

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Henti kempen seketika jika dijangkiti influenza

PUTRAJAYA – Calon dan jentera bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) perlu lebih bertanggungjawab dan tidak mendedahkan diri bersama komuniti jika disahkan mengalami jangkitan influenza.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jika perlu, calon terutamanya perlu berhenti seketika daripada berkempen bagi mengelak jangkitan kepada orang lain.

Beliau berkata, setiap calon dan jentera kempen pilihan raya perlu bertanggungjawab untuk diri sendiri dan masyarakat jika disahkan jangkitan itu.

"Kita faham bahawa influenza adalah penyakit berjangkit. Sekiranya ada gejala, cepat-cepat jumpa doktor dan lakukan kawalan sendiri seperti memakai pelitup muka, terutama ketika berada dalam khalayak ramai.

"Kita galakkan mereka yang mempunyai gejala supaya melakukan ujian dan saringan kesihatan, malah jika perlu berhenti seketika daripada berkempen," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas

sesi perjumpaan dengan Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja (MAPSU) Kementerian Kesihatan (KKM), semalam.

Media sebelum ini melaporkan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan disahkan influenza dan dinasihatkan untuk berehat daripada berkempen selama tiga hari.

Menerusi rakaman video di laman sosial Instagramnya, Mohamad yang lebih mesra dipanggil Tok Mat berkata, doktor menasihatkannya untuk tidak keluar dalam tempoh berkenaan kerana dikhawatiri menjangkiti orang lain.

Sebelum ini, hospital-hospital swasta dilaporkan sesak susulan peningkatan jumlah pesakit influenza yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh dilaporkan berkata, masalah dihadapi hospital ialah apabila tempoh menunggu mendapatkan katil menjadi lebih lama ekoran berlakunya pertambahan pesakit, sedangkan jumlah jururawat tidak mencukupi.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA



ZALIHA memperkatakan sesuatu ketika menjawab pertanyaan pada sidang akhbar mengenai isu kesetaraan perjawatan petugas kesihatan di Putrajaya semalam.

Usaha untuk hormati Perjanjian Malaysia 1963

Isu kesetaraan petugas kesihatan diteliti

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meneliti isu kesetaraan perjawatan petugas kesihatan di Sabah dan Sarawak demi menghormati Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, beliau mendapati masih ada petugas kesihatan di dua wilayah itu melakukan kerja-kerja yang sama dengan petugas di Semenanjung tetapi pada perjawatan yang rendah.

"Isu berkenaan adalah antara perkara yang akan diuruskan KKM bagi menghormati semangat MA63," katanya selepas sesi perjumpaan dengan Majlis Gabungan Presiden dan Setia-

saha Agung Kesatuan Sekerja (MAPSU) semalam.

Katanya, isu ketidaksetaraan itu adalah antara perkara yang dibangkitkan pada sesi pertemuan bersama MAPSU semalam.

Dr. Zaliha berkata, isu lain yang dibincangkan termasuk isu perjawatan membabitkan skim-skim yang terlepas pandang oleh KKM selama ini.

Menurutnya, ada di antara skim-skim perkhidmatan ini menerima latihan yang banyak, namun tiada kekosongan perjawatan untuk kenalkan gred dan jawatan.

"Isu ini perlukan lebih banyak masa untuk disemak kerana ia perlu dibincangkan pada sesi

libat urus dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum meletakkan mereka ini di tempat selayaknya.

"Isu tempoh masa bekerja juga turut dibangkitkan oleh MAPSU. Tempoh waktu bekerja ketika ini dilihat tidak memenuhi keperluan semasa," katanya.

Katanya, pertemuan dengan MAPSU itu penting bagi merungkai permasalahan dibangkitkan terutama berkaitan skim perkhidmatan dan profesion dalam KKM.

Zaliha berkata, MAPSU mewakili lebih 80,000 warga KKM yang bernaung di bawah 22 kesatuan sekerja dan merangkumi keseluruhan 119 skim perkhidmatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Premis kotor dikenakan kompaun

KUALA LUMPUR – Sebanyak 58 kompaun dikeluarkan dan sebuah premis makanan diarah tutup dalam Operasi Sepadu Bersih yang dilaksanakan sekitar ibu negara kelmarin.

Tindakan penguatkuasaan tersebut diambil kerana gagal menjalankan perniagaan tanpa lesen perniagaan yang sah, pemilik atau pekerja gagal mendapatkan suntikan tifoid dan tidak menghadiri kursus pengendali makanan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan berkata, sejumlah 62 premis dilawati, manakala 20 daripadanya adalah pusat penjaja.

Bagaimanapun, ujarinya, sebanyak 32 premis sahaja diperiksa, manakala 30 lagi tidak beroperasi.

"Hasil daripada pemeriksaan, sebuah premis dikenakan tindakan arahan penutupan di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983. Sebanyak 58 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan," katanya.

Jelasnya, antara kesalahan lain yang dilakukan termasuk perangkap minyak tidak diselenggara dengan baik menyebabkan tersumbat, berbau serta sisa dan lemak melimpah keluar.

"Selain itu, lantai dan dinding di ruang dapur kotor dan berdaki hitam. Pembersihan ala kadar dan tiada jadual berkala.



SALAH sebuah premis yang dikenakan kompaun kerana didapati berada dalam kotor ketika pemeriksaan DBKL di sekitar ibu negara semalam.

"Terdapat hurungah lipas di bahagian dapur premis dan menjalankan kerja pencucian di lorong belakang, hadapan dan tepi premis," katanya.

Menurut DBKL, ada antara

premis didapati tidak menggunakan bahan pembungkus bekas makanan dari produk biodegradasi dan gagal memasang alat cerobong penyedut asap di dapur masing-masing.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Calon, petugas perlu guna pelitup muka jika ada gejala influenza - Dr Zaliha

PUTRAJAYA - Calon serta petugas pilihan raya negeri (PRN) di enam negeri digalakkan menggunakan pelitup muka dan melaksanakan kawalan sendiri sekiranya mempunyai gejala influenza.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, pemakaian pelitup muka semasa berkempen dapat mengekang penularan penyakit berjangkit berkenaan.

Antara gejala influenza ialah demam, sakit badan, kerap bersin, hidung berair, sakit tekak, batuk dan sakit kepala.

"Influenza adalah penyakit berjangkit. Bagi mereka yang ada gejala tidak kira calon atau petugas pilihan raya, kalau ada tanda kena cepat jumpa doktor dan laksana langkah kawalan sendiri.

"Contohnya, pakai pelitup muka se-



DR ZALIHA

masa kempen luar kawasan dan sebagainya supaya tidak jangkiti orang lain," katanya di sini pada Khamis.

Beliau mengulas laporan media berhubung berlakunya kesesakan di hospital swasta seluruh negara berikutan peningkatan jumlah pesakit influenza.

Rabu lalu, Menteri Pertahanan yang juga Timbalan Presiden UMNO,

Datuk Seri Mohamad Hasan disahkan dijangkiti influenza dan diarahkan oleh doktor untuk berehat selama tiga hari.

"Kalau perlu berhenti seketika berkempen maka laksanakanlah. Kita memperkasa komuniti, ahli komuniti serta calon pilihan raya untuk bertanggungjawab kepada diri sendiri dan masyarakat sekeliling," katanya. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Berhenti kempen jika dijangkiti influenza

Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya negeri (PRN 12 ogos ini) dinasihat tidak mendedahkan diri mereka bersama komuniti jika disahkan mengalami jangkitan influenza. Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, langkah itu bertujuan mengelak jangkitan kepada orang lain.

"Sekiranya ada gejala, cepat-cepat jumpa doktor dan lakukan kawalan sendiri seperti memakai pelitup muka terutama ketika berada dalam khalayak ramai dan berhenti kempen seketika," katanya dalam sidang akhbar selepas sesi perjumpaan dengan Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja (MAPSU) Kementerian Kesihatan di Putrajaya, semalam.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan yang juga calon Pakatan Harapan-Barisan Nasional (PHBN) bagi Dewan Undangan Negeri



ZALIHA Mustafa menerima cenderamata selepas berjumpa Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja (MAPSU) Kementerian Kesihatan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

(DUN) Rantau disahkan dijangkiti influenza dan dinasihatkan untuk berehat daripada berkempen selama tiga hari.

Menerusi rakaman video di laman sosial Instagramnya, Mohamad yang lebih mesra dipanggil Tok Mat berkata, doktor menasihatkannya untuk tidak

keluar dalam tempoh berkenaan kerana dikhuatiri menjangkiti orang lain.

Sebelum ini, hospital-hospital swasta dilaporkan sesak susulan peningkatan jumlah pesakit influenza yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Presiden Persatuan Hospi-

tal Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh dilaporkan berkata, masalah dihadapi hospital ialah apabila tempoh menunggu mendapatkan katil menjadi lebih lama ekoran berlakunya pertambahan pesakit sedangkan jumlah jururawat tidak mencukupi.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN :

NewStraitsTimes • FRIDAY, AUGUST 4, 2023 •

9

RM34.5m boost for mental health, support services

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

In the 2023 Budget, the Health Ministry was the second highest recipient with an allocation of RM36.3 billion compared with RM32.4 billion in the previous year.

Of that, RM34.5 million was for the establishment of the National Centre of Excellence for Mental Health (NCEMH) and the strengthening of mental health and psychosocial support services to address mental health problems more seriously.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said mental health has been a major concern long before the onset of Covid-19, and the pandemic had amplified the issue.

She said the pandemic had raised the likelihood of suicidal behaviour, thus requiring an increased need for psychological care.

"NCEMH which is currently operating with a capacity of 46 personnel, also coordinates Mental Health and Psychosocial Support Services (MHPSS).

"Through the MHPSS programme, various services are being provided to the healthcare workers and community which include Psychological First Aid, psychoeducation, counselling services, and training of healthcare workers and volunteers.

"To date, every district has at least one MHPSS team to provide the service," she said in a statement.

The Health Ministry announced the establishment of the NCEMH on Oct 10 last year.

It serves as a coordinating centre, incorporating strategic collaboration among public, private, and non-governmental organisations (NGOs) in planning and implementing promotion and prevention efforts in mental health.

NCEMH covers five main scopes which are the Promotion of Mental Health and Prevention of Mental Illness, Mental Health Crisis Intervention, Training and Education, Mental Health Surveillance, Mental Health Research, and Innovation.

To increase the accessibility of mental health services, a Mental Health Crisis Helpline or Talian HEAL 15555 (Help with Empathy and Love) was launched and it operates from 8am to midnight daily including public holidays.

Dr Zaliha said the service which offers tele-counselling is being handled by trained counsellors from the ministry.

"Over seven months from Oct 21, 2022, to June 17, 2023, a total of 19,307 calls were received by the HEAL Helpline 15555 with an average of 80 calls per day.

"Of these calls, 171 calls were related to suicidal behaviour of which, 68 cases were suicidal ideation and 103 were suicidal attempt cases that were successfully referred to the Hospital Emergency department through the activation of MERS 999 and cooperation from the police.

In Malaysia, the National Health



A large chunk of the 2023 Budget allocation will go towards the procurement of medicine, reagents and vaccines, as well as RM3 billion for the new appointment of 1,500 permanent and contract staff. BERNAMA PIC



Mental health services are provided in all MOH facilities which include 1,161 health clinics at the primary healthcare level, 60 hospitals, four mental institutions and 34 Community Mental Health Centres (MENTARI) throughout the country. PIC BY EFFENDY RASHID

Morbidity Survey (NHMS) in 2019 showed that approximately 500,000 aged 18 years old and above suffered from depression.

The police reported an increase of 81 per cent in suicide cases from 631 cases in 2020 to 1,142 in 2021.

In 2022, there was a slight reduction in the number of suicide cases reported which is 981 cases.

"Nevertheless, this trend is of concern as there was a double increase in the prevalence of suicide cases among those between 15 to 18 years old that is from three per cent to six per cent," Dr Zaliha said.

Through partnerships with NGOs, NCEMH also offers mental health awareness and advocacy programmes to strengthen the community.

"There are currently 52 NGOs actively engaged in community-based activities and advocacy for mental health.

"Integrating the current mental health services with digitalisation is another project.

"In terms of research, NCEMH is collaborating with the National Institutes of Health (NIH) to pursue scientific evidence for mental health-related intervention and policy creation," she said.

As of now, mental health services are continuously provided in all MOH Facilities which include 1,161 health clinics at the primary healthcare level, 60 hospitals, four mental institutions and 34 Community Mental Health Centres (MENTARI) throughout the country.

"The ministry advises the public to

immediately seek help and to prevent serious illness due to late detection of mental health problems.

"As we move forward, the effort is towards building a more resilient and healthier Malaysia in making mental health agenda a priority for all."

In addition to the NCEMH, the Health Ministry has also developed the National Strategic Plan for Mental Health (2020 - 2025).

This serves as a blueprint document outlining several scopes which includes improving the governance and regulatory framework, strengthening the mental health control system, ensuring the availability and accessibility of comprehensive mental health services, and strengthening mental health resources.

Meanwhile, other than addressing mental health issues, a large chunk of the 2023 Budget allocation went to the procurement of medicine, reagents and vaccines, as well as RM3 billion for the new appointment of 1,500 permanent and contract staff.

Allocations include RM100 million to the Madani Health Scheme for the Sumbangan Tunai Rahmah recipients in the B40 group to receive treatment at general practitioners' clinics; RM80 million to strengthen the Peka B40 Scheme by including diabetes screening; tax relief for medical expenses for the year of assessment 2023 will be increased from RM8,000 to RM10,000, and up to RM4,000 tax relief for autism, Down Syndrome and other specific learning disorders.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LETTERS

SIMPLE PROCESS

Bouquet for Madani Medical Scheme

MOST people might think that securing government aid involves many layers of red tape.

That included me, until I took my mum to a private clinic in Gombak for a consultation for her fever and cough under the Madani Medical Scheme.

The scheme is offered by the government to B40 households to seek treatment in selected private clinics.

As my mum is categorised as B40, she's eligible for the scheme, where each household can get treatment, including medication, for up to RM250 until Dec 31.

When I went into the clinic near my mum's house, all that was required was her MyKad.

After a verification exercise, we were told that my mum was eligible.

The process was simple.

As that was her first treatment at a private GP, she could still visit the private clinic and use up the balance of her household's RM250 quota until the end of the year.

The scheme makes it more convenient for people like my mum to get treatment.

Prior to this, she would visit a health clinic, and these places are notorious for being crowded.

Further, as the public clinic near her house operates only during office hours, one of her kids or family members would need to take time off from work to take her there.

But with the Madani Medical Scheme, she could visit participating private clinics, many of which are open until late, and treatment, including medication, is free.

People must seize the opportunity given by the government.

On that note, I hope too that the government will extend this scheme beyond this year and expand the coverage.

I wish to extend my appreciation to Health Minister Dr Zaliha Mustafa and her team for a job well done.

MOHD ARIFFIN MOHD IZAM
Teluk Intan, Perak

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : VIEWS

Coverage of HPV vaccination should be expanded

MY 21-year-old daughter is on the autism spectrum. For various reasons, she did not go to a government school and was in a home-schooling programme.

A few years ago, I heard about the HPV (human papillomavirus) vaccination programme for schoolgirls and how the vaccine is effective in the prevention of cervical cancer.

We went to a government hospital to ask about getting this vaccine and was referred to Unit Sekolah. There wasn't anyone present as they were out in the

field, but a nurse kindly called to tell us that the vaccine would only be given in a government school setting.

We also approached an NGO that was giving out the vaccine, but we were told that it was only given to girls of a specific age and were turned away.

Next, we asked a doctor at a private clinic about getting the vaccine, but he dissuaded us, saying it was not necessary for someone who has not had sex.

It's very commendable that we have a cervical vaccination pro-

gramme, but the coverage should also be extended to those with special needs or are out of the government school system.

My last resort would be to pay for the vaccine, but it's unfair that I should have to do this when it's available for free to other girls. I am a taxpayer, but I have not been able to access good quality education or therapy or other services for my autistic child.

Having to face so much difficulty in accessing this HPV vaccine has been frustrating and

also demoralising. We are fortunate to have the resources to buy it, but there must be many other families with special needs children or kids out of the public school system who are left out.

Autism is hard enough, but cancer is much more scary and challenging. Cervical cancer is preventable with this vaccine, so the government must put in more effort to expand the HPV vaccination programme.

IVY SOON
Kuala Lumpur